

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**AOP 356 - Pengurusan Perbandingan**

Masa : 3 jam

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat bercetak sebelum anda memuiakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B dan **DUA (2)** soalan daripada Bahagian C.

...2/-

**Bahagian A**

**Soalan 1 (WAJIB)**

- (a) Kenapa penting untuk sebuah organisasi antarabangsa (MNC) beroperasi ‘secara global tetapi bertindak secara tempatan’.
- (b) Bagaimana pengurusan diversiti yang berkesan boleh mewujudkan kelebihan persaingan sebuah organisasi antarabangsa?

[ 30 markah ]

**Bahagian B : (Pilih DUA (2) soalan sahaja)**

**Soalan 2**

Bincangkan sejauhmanakah tahap pendidikan yang tinggi di kalangan penduduk tempatan itu penting untuk sebuah organisasi yang ingin memulakan operasinya di lokasi itu. Adakah ia lebih penting untuk jenis-jenis pemiagaan yang tertentu sahaja?

[ 20 markah ]

**Soalan 3**

Huraikan masalah-masalah yang mungkin akan dihadapi oleh seorang expatriate yang akan kembali ke negara asalnya. Pilih dan bincangkan 4 yang pada pendapat anda terpenting sekali. Bagaimana sebuah organisasi antarabangsa boleh mengatasi masalah-masalah ini?

[ 20 markah ]

**Soalan 4**

Sejauhmanakah Teori Keperluan Maslow dan Teori Dua Faktor Herzberg boleh diaplikasikan secara universal oleh organisasi antarabangsa untuk meningkatkan tahap produktiviti dan motivasi para pekerja mereka?

[ 20 markah ]

**Bahagian C : (Pilih DUA (2) soalan sahaja)**

**Soalan 5**

Huraikan 3 alasan utama kenapa perancangan strategik lebih rumit pada tahap global jika dibandingkan dengan perancangan strategik pada tahap tempatan.

[ 15 markah ]

....3/-

Soalan 6

Huraikan 4 dimensi budaya yang telah diperkenalkan oleh Hofstede.

[ 15 markah ]

Soalan 7

Pilih 4 kriteria yang **pada pendapat anda** adalah yang terpenting sekali dan boleh dianggap kriteria universal, yang **harus** digunakan sebagai panduan semasa proses pemilihan staf untuk berkhidmat di **luar** negeri.

[ 15 markah ]

- 0000000 -